


Bahagian A

[50 markah]

Jawab mana-mana lima soalan sahaja.

1. (a) Gambar menunjukkan perbualan antara Encik Danesh dengan Encik Taufik



Gambar 1

- (i) Berikan dua jenis bentuk pemilikan perniagaan [2 markah]
yang dicadangkan oleh Encik Taufik
- (ii) Nyatakan dua aspek untuk menentukan klasifikasi [2 markah]
perniagaan tersebut
- (b) Gambar merupakan sebuah organisasi perniagaan.



- (i) Apakah saiz dan skala perniagaan di atas [2 markah]
- (ii) Nyatakan empat kelebihan perniagaan yang bersaiz [4 markah]
gambar seperti diatas .


2. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan penyataan objektif perniagaan Succes Furniture Sdn Bhd.

SUCCES FURNITURE SDN BHD
"Kepuasan Anda Keutamaan Kami"

Objektif:

- Menghasilkan perabot berkualiti tinggi dengan reka bentuk terkini.
- Menjual 150 unit set bilik tidur dan 200 set ruang tamu dalam sebulan.
- Jualan bagi pasaran tempatan meningkat sebanyak 5% sebulan dan dijangka meningkat 20% menjelang musim perayaan.


- (a) Terangkan tiga ciri objektif bagi perniagaan Succes Furniture Sdn Berhad [6 markah]
- (b) Nyatakan empat kesan sekiranya perniagaan Succes Furniture Sdn Bhd gagal mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan. [4 markah]
- 3 (a) Nyatakan **dua** ciri objektif perniagaan yang baik. [2 markah]
- (b) Jelaskan maksud bagi elemen-elemen dalam proses komunikasi seperti berikut:
- (i) Enkod [2 markah]
- (ii) Dekod [2 markah]
- (c) Gambar di bawah menunjukkan salah satu aplikasi Teknologi Maklumat dalam perniagaan.



Terangkan aplikasi Teknologi Maklumat tersebut.

[4 markah]

4. (a) Gambar di bawah ini menunjukkan beberapa contoh sumber fizikal dan teknologi yang diperlukan oleh perniagaan pengeluaran perabot.



Huraikan prosedur mengurus sumber teknologi oleh perniagaan perabot berkenaan.

[6 markah]

- (b) Maklumat yang berikut berkaitan dengan Syarikat Encik Meow.

Encik Meow telah menubuhkan sebuah syarikat logistik yang bernama Logistik Meow Sdn. Bhd. Perniagaan beliau meliputi seluruh Malaysia. Encik Meow merupakan pengarah urusan. Beliau dibantu oleh pengurus cawangan Malaysia Barat dan Malaysia Timur iaitu Encik Lim dan Encik Naidu. Encik Lim dibantu oleh ketua unit, iaitu Puan Salmah dan Puan Lala. Ketua unit iaitu Encik Kuok membantu Encik Naidu dalam pengurusan perniagaan.

Berdasarkan maklumat di atas, anda dikehendaki merangka struktur organisasi Syarikat Logistik Meow.

[4 markah]

5. (a) Berdasarkan teks di bawah, jawab soalan-soalan yang berikut.

Muliade telah menguasai perniagaan keropok lekor Terengganu secara kecil-kecilan di Bayu Damai. Beliau mempromosikan perniagaannya melalui sosial media dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan sehingga tempahan keropok lekornya meningkat setiap bulan. Beliau bercadang membesarkan perniagaan dengan meningkatkan lagi pengeluaran menggunakan mesin membuat keropok lekor dan membesarkan premis. Beliau bercadang untuk membuat pinjaman dari sumber pembiayaan luaran.

- i. Pada pandangan anda, pembiayaan luaran yang mana sesuai untuk Muliade?
[1 markah]
- ii. Nyatakan kekuatan dan kelemahan jenis pembiayaan yang dipilih di 1 (a) i)?
[2 markah]

- (b) Jelaskan kepentingan penyata kewangan kepada pihak berkepentingan di bawah :
- i. Pelabur [3 markah]
 - ii. Pihak pengurusan
 - iii. Pembekal/Vendor
- (c) Huraikan kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya dari segi keberuntungan perniagaan? [4 markah]
6. (a) Pernyataan di bawah berkaitan akta penubuhan perniagaan.

Akta X	Akta Y
Encik Ali ingin menubuhkan kedai runcit dan beliau ingin mendaftar perniagaannya sebagai 'Kedai Runcit Perkasa.	Encik Razak menubuhkan syarikat pembinaan dan mendaftar perniagaannya sebagai 'Syarikat Pembinaan Megah Sdn. Bhd.

Nyatakan akta X dan Y yang berkaitan dengan penubuhan perniagaan di atas [2 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan satu daripada prosedur pendaftaran sesebuah perniagaan.

Encik Mansor telah mendaftarkan perniagaannya di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan telah pun memperoleh Sijil Pendaftaran Perniagaan.

Jelaskan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh Encik Mansor setelah memperoleh sijil pendaftaran perniagaan tersebut. [4 markah]

- (c) Gambar di bawah menunjukkan perbualan antara Cik Joan dengan Cik Susan.



Jelaskan kelebihan Susan menjadi seorang usahawan kepada diri sendiri dan masyarakat selepas tamat pengajian di universiti. [4 markah]

BAHAGIAN B

[30 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini

7. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah organisasi

Syarikat Nior Sdn Bhd merupakan pengeluar produk kecantikan yang berkualiti tinggi berjenama Nior yang baru ditubuhkan dengan modal berbayar syarikat sebanyak RM25 juta. Syarikat mempunyai sebuah kilang dengan bilangan pekerja seramai 100 orang dan ingin berkecimpung dalam pengeluaran produk kecantikan berkualiti tinggi. Puan Erika merupakan pengurus besar syarikat memberitahu para pemegang saham bahawa syarikat berhasrat untuk menjadi pengeluar produk kecantikan yang unggul di negara seperti Indonesia, Singapura, Brunei dan Thailand dalam tempoh 5 tahun. Syarikat akan meningkatkan kapasiti pengeluaran yang mampu menembusi pasaran antarabangsa pada tahun hadapan.

Huraikan faktor penyumbang semasa Puan Erika memulakan [4 markah]
perniagaan Syarikat Nior Sdn Bhd

- (b) Analisis faktor-faktor yang membawa perubahan persekitaran [6 markah]
perniagaan bagi Syarikat Nior Sdn Bhd .

- (c) Rajah di bawah ialah struktur organisasi Perniagaan Makanan Sejuk Beku Nara



Cadangkan idea bagi sistem penggajian berdasarkan struktur [5 markah]
organisasi Perniagaan Makanan Sejuk Beku Nara.


8. (a) Visi, misi dan objektif perniagaan merupakan perancangan yang digunakan oleh organisasi perniagaan dalam mencapai sesuatu matlamat yang telah ditetapkan. Huraikan tujuan penetapan visi, misi dan objektif perniagaan sebagai panduan perniagaan. [6 markah]

- (b) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Encik Lim.

Encik Lim ialah pemilik dan pengurus bengkel servis kereta . beliau mempunyai bengkel yang lengkap dengan mesin dan peralatan untuk pekhidmatan servis kereta. Pejabat pentadbiran Encik Lim juga terletak bersebelahan bengkel. Encik Lim mempunyai tiga orang pekerja yang menguruskan hal-hal pentadbiran menggunakan peralatan komputer

Jelaskan tujuan pengurusan sumber fizikal dalam perniagaan Encik Lim. [4 markah]

- (c) Gambar di bawah menunjukkan sumber pembiayaan luaran.



- i. Berikan contoh institusi kewangan yang menawarkan pembiayaan di atas. [1 markah]
- ii. Jelaskan kelebihan sumber pembiayaan yang dijalankan di (c) (i). [4 markah]

- 9 (a) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Perniagaan Teguh Julang.

TEGUH JULANG ENTERPRISE membekalkan perabot di Kawasan sekitar Kulai dan telah beroperasi sejak tahun 2005. Perniagaan berjaya meluaskan pasarannya ke seluruh Negeri Johor apabila permintaan yang sangat tinggi kerana produk yang sangat berkualiti tinggi.

Jenis Nisbah	2018	2019
a) Nisbah kecairan		
i. Nisbah Semasa	1.89 kali	1.97 kali
b) Nisbah kecekapan		
i. Pusing Ganti Stok	5.45 kali	6.60 kali
ii. Pusing Ganti Aset	1.32 kali	1.26 kali
c) Nisbah Untung		
i. Peratusan Margin Untung kasar	42.0%	44.3%
ii. Peratusan Margin Untung Bersih	5.2%	5.0%
iii. Peratusan Pulangan atas Modal	3.5%	6.29%
iv. Peratusan Untung Tokokan	16.2%	16.1%

Berdasarkan jadual perbandingan jenis-jenis Nisbah Kewangan bagi Perniagaan TEGUH JULANG Enterprise bagi tahun 2018 dan tahun 2019, terangkan:

- i. Nisbah pusing ganti asset [1 markah]
 - ii. Nisbah peratusan pulangan atas modal [1 markah]
 - iii. Huraikan prestasi Perniagaan TEGUH JULANG Enterprise berdasarkan tiga analisis nisbah asas bagi tahun 2019. [3 markah]
- b) Berdasarkan jadual perbandingan jenis-jenis Nisbah kewangan di atas, terangkan trend semasa yang berlaku kepada perniagaan TEGUH JULANG Enterprise. [4 markah]
- c) Terangkan faktor luaran yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif perniagaan. [6 markah]

Bahagian C

[20 markah]

*Soalan ini **wajib** dijawab.*

10. Syarikat Uniflow Design Sendirian Berhad menjalankan kegiatan mengimport pelbagai beg tangan berjenama antarabangsa. Beg-beg tersebut akan dibekalkan kepada peniaga-peniaga di seluruh negara. Walau bagaimanapun keuntungan yang diperolehi kurang memuaskan sehingga menyukarkan syarikat berkembang dengan baik.

Ini menyebabkan Ahli Lembaga Pengarah bercadang mempelbagaikan perniagaan syarikat dengan menubuhkan bentuk pemilikan perniagaan yang mendapatkan hak kebenaran untuk menggunakan satu jenama beg tangan yang terkenal iaitu Goach. Peniaga yang ingin membuka butik Goach akan berurusan dengan Syarikat Uniflow Design Sendirian Berhad yang merupakan wakil tunggal jenama tersebut di Asia Tenggara, Ini membolehkan jaringan perniagaan syarikat lebih luas.

Sambutan untuk membuka butik Goach bukan sahaja diterima daripada peniaga di Malaysia malahan dari Singapura, Indonesia dan Thailand. Ahli Lembaga Pengarah telah membuat ketetapan titik pulang modal untuk butik Goach yang akan dibuka oleh peniaga. Prestasi setiap butik Goach akan dianalisis melalui TPM masing-masing. Ini supaya pemilik butik berusaha ke arah sasaran jualan tertentu dan dapat mengelakkan mereka mengalami kerugian.

Ahli Lembaga Pengarah juga sentiasa memantau kecekapan syarikat meraih keuntungan dari semasa ke semasa melalui pengendalian stok syarikat. Ini menyebabkan Bahagian Kewangan perlu sentiasa menyediakan maklumat-maklumat kewangan tertentu yang diperlukan oleh Ahli Lembaga Pengarah. Berikut adalah maklumat kewangan terkini telah diminta oleh Ahli Lembaga Pengarah.

Butiran	RM
Untung kasar	19,941.00
Jualan Tunai	130,100.00
Jualan Bersih	126,345.00
Untung Bersih	10,707.00
Kos Jualan	106,404.00
Stok Awal	56,500.00
Stok Akhir	46,800.00

Melalui maklumat kewangan tersebut biasanya Ahli Lembaga Pengarah akan menentukan analisis nisbah kecekapan dengan mengira pusing ganti stok syarikat.

Memandangkan setiap hari Syarikat Uniflow Sendirian Berhad banyak berurusan dengan semua butik Goach di bawah pengendalian syarikat ataupun dengan mana-mana pihak tertentu, maka kadang-kadang maklumat yang penting gagal diterima ataupun tidak tepat.

Ini menyebabkan pihak Ahli Lembaga Pengarah sentiasa mengingatkan pekerja agar mendapatkan maklum balas untuk setiap maklumat yang dihantar ataupun diterima selain menyemak disetiap langkah dalam proses komunikasi. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan syarikat kerugian.

Jawab soalan-soalan di bawah :

- (a) i) Apakah bentuk pemilikan perniagaan Syarikat Uniflow Design Sendirian Berhad ? [1 markah]
- ii) Berikan dua kelebihan bentuk pemilikan perniagaan di 10(a) (i). [2 markah]
- (b) Jelaskan 2 bahagian fungsian yang terdapat dalam Syarikat Uniflow Design Sendirian Berhad ? [4 markah]
- (c) Berdasarkan maklumat di atas, sediakan penyata aliran tunai secara ringkas . [5 markah]

- (d) Terangkan kesan jika Syarikat Uniflow Design Sendirian Berhad gagal mencapai matlamat dan objektif syarikat ? [4 markah]
- (e) Huraikan campuran pemasaran yang telah diaplikasikan oleh Syarikat Uniflow Design Sendirian Berhad untuk mengembangkan lagi perniagaan yang dijalankan? [4 markah]